

STRIPTAN TABLET

Sumatripan Succinate (50 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan tablet Striptan
2. Bagaimana tablet Striptan berfungsi
3. Sebelum anda menggunakan tablet Striptan.
4. Cara menggunakan tablet Striptan.
5. Semasa menggunakan tablet Striptan.
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan tablet Striptan.
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan tablet Striptan

Tablet Striptan mengandungi Sumatripan suksinat sebagai ubat aktif.

Sumatripan tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil triptan.

Anda harus mengambil tablet Striptan hanya sekiranya anda mempunyai preskripsi.

Ia digunakan untuk melegakan Migrain anda. Ia tidak digunakan untuk mencegah serangan atau mengurangkan bilangan serangan yang anda ada.

Gunakan tablet Striptan hanya untuk merawat serangan migrain sebenar. Anda tidak boleh menggunakan tablet Striptan untuk mencegah serangan migrain.

Bagaimana tablet Striptan berfungsi

Simptom-simptom migrain mungkin disebabkan oleh peluasan salur darah secara sementara di dalam kepala.

Sumatripan dipercayai dapat mengurangkan peluasan salur darah. Dengan ini, ia membantu untuk mengurangkan sakit kepala dan simptom lain yang berkaitan dengan serangan migrain, seperti berasa mual (loya dan muntah-muntah) serta sensitiviti terhadap cahaya dan bunyi.

Sumatripan hanya berfungsi apabila serangan migrain telah bermula. Ia tidak akan menghalang anda daripada mendapat serangan migrain.

Sebelum menggunakan tablet Striptan

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil tablet Striptan

- Jika anda alah (hipersensitif) terhadap Sumatripan atau sebarang bahan lain (tersenarai dalam “Penerangan produk”).
- Jika anda mempunyai masalah jantung seperti penyempitan arteri (penyakit jantung iskemia) atau sakit dada (angina), atau anda pernah mengalami serangan jantung.
- Jika anda mempunyai masalah pada kaki anda yang menyebabkan kesakitan seperti kekejangan apabila anda berjalan (pesakit vaskular perifer).
- Jika anda pernah mengalami strok atau mini strok (juga digelar serangan iskemia transien atau TIA).
- Jika anda mempunyai tekanan darah tinggi. Anda mungkin dapat menggunakan tablet Striptan jika tekanan darah tinggi anda sederhana dan sedang dirawat.

- Jika anda mempunyai penyakit hati yang serius.
- Jika anda pernah mengambil:

Perencat monoamina oksidase (MAOI), sejenis ubat yang digunakan untuk tekanan.

Ergotamina dan bahan terbitan ergotamina, ubat-ubatan untuk migrain.

Atau jika anda pernah mengambil ubat-ubatan ini dalam 2 minggu sebelum ini.

Jika sebarang perkara ini berkaitan dengan anda:

Beritahu doktor anda, dan jangan ambil tablet Striptan.

Kehamilan dan Laktasi

Sila berunding dengan doktor anda sebelum menggunakan tablet Striptan jika anda hamil, merancang untuk hamil, memberi susu badan atau merancang untuk memberi susu badan. Doktor anda akan mempertimbangkan risiko anda jika mengambil tablet Striptan berbanding kelebihan yang akan dijangka untuk anda.

- Sebelum mula menggunakan tablet Striptan

Ambil langkah penjagaan khas dengan tablet Striptan.

Doktor anda perlu mengetahui beberapa maklumat sebelum anda mengambil tablet Striptan:

Jika anda mempunyai sebarang faktor risiko tambahan:

- Jika anda adalah seorang lelaki yang berusia lebih 40 tahun, atau
- Jika anda adalah seorang wanita yang telah menopause.

STRIPTAN TABLET

Sumatripan Succinate (50 mg)

Dalam kes yang amat jarang, orang telah mengalami penyakit jantung yang serius selepas menggunakan Sumatripan, walaupun mereka tidak mempunyai tanda-tanda penyakit jantung sebelum ini. Jika sebarang perkara di atas berkaitan dengan anda, ia mungkin bermakna anda mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk mendapat penyakit jantung. Beritahu doktor anda supaya fungsi jantung anda dapat diperiksa sebelum tablet Striptan dipreskripsikan untuk anda.

Jika anda mempunyai sejarah sawan atau jika anda mempunyai penyakit lain yang mungkin menyebabkan anda mengalami sawan, contohnya, kecederaan kepala atau alkoholisme.

Jika anda mempunyai penyakit hati atau buah pinggang. Beritahu doktor anda supaya anda dapat diperhatikan dengan lebih teliti.

Jika anda alah terhadap antibiotik yang dipanggil sulfonamida. Jika ya, anda juga mungkin alah terhadap sumatripan. Jika anda mengetahui bahawa anda alah terhadap sejenis antibiotik tetapi anda tidak pasti jika ia adalah sulfonamida: Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan tablet Striptan.

Jika anda mengambil antidepresan yang dipanggil SSRI (perencat pengambilan semula serotonin terpilih) atau SNRI (perencat pengambilan semula norepinefrina terpilih). Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan tablet Striptan.

Lihat juga "Mengambil ubat lain" di bawah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain atau

telah mengambilnya baru-baru ini. Ia termasuk sebarang produk herba atau ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi.

Sesetengah ubat-ubatan tidak boleh diambil dengan tablet Striptan dan ubat lain mungkin menyebabkan kesan-kesan teruk jika diambil dengan sumatripan.

Anda perlu memberitahu doktor anda jika anda sedang mengambil:

- Ergotamina atau ubat-ubatan yang sama: berhenti mengambil ubat-ubatan ini sekurang-kurangnya 24 jam sebelum mengambil Sumatripan. Jangan ambil sebarang ubat-ubatan yang mengandungi ergotamina atau campuran yang sama sekurang-kurangnya 6 jam sebelum mengambil tablet Striptan.
- Triptan lain/agonis reseptor 5-HT₁: berhenti mengambil ubat-ubatan ini sekurang-kurangnya 24 jam sebelum mengambil tablet Striptan. Jangan gunakan ubat-ubatan begitu sekurang-kurangnya 24 jam sebelum mengambil tablet Striptan.
- SSRI (perencat pengambilan semula serotonin terpilih) dan SNRI (perencat pengambilan semula norepinefrina terpilih) yang digunakan untuk merawat tekanan.
- MAOI (perencat monoamina oksidase) yang digunakan untuk merawat tekanan. Jangan gunakan tablet Striptan jika anda telah mengambil ubat ini dalam masa 2 minggu lalu.
- *St. John' Wort* (*Hypericum perforatum*). Mengambil ubat-ubatan herba yang mengandungi *St. John' Wort* semasa anda mengambil

tablet Striptan mungkin menyebabkan kesan-kesan sampingan berlaku.

Nota: Dokumen ini tidak mengandungi semua tindak balas yang berkemungkinan. Oleh itu, sebelum menggunakan produk ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua produk yang anda gunakan.

Simpan satu senarai yang mengandungi semua ubat anda bersama anda, dan kongsi senarai tersebut dengan doktor dan ahli farmasi anda.

Cara menggunakan tablet Striptan

- Berapa banyak harus digunakan

Sentiasa ambil tablet Striptan sama seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda tidak pasti, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Dewasa

Dos biasa ialah Sumatripan 50 mg (iaitu satu tablet Sumatripan 50) ketika serangan migrain berlaku. Sesetengah pesakit mungkin perlu mengambil dos Sumatripan 100 (satu tablet Sumatripan 100 atau dua tablet Sumatripan 50).

Kanak-kanak dan remaja (usia bawah 18 tahun)

Tablet Striptan tidak disyorkan bagi kanak-kanak dan remaja kurang daripada 12 tahun.

Orang tua (pesakit yang melebihi 65 tahun)

Tablet Striptan tidak disyorkan bagi kumpulan usia ini.

Pesakit dengan gangguan hati

STRIPTAN TABLET

Sumatripan Succinate (50 mg)

Doktor anda mungkin mempreskripsikan anda dengan dos tablet Striptan yang lebih rendah.

- Bila perlu digunakan

Sentiasa ambil tablet Striptan secepat mungkin selepas permulaan serangan migrain.

Tablet perlu ditelan keseluruhan dengan air dan tidak boleh dipecahkan atau dihancurkan.

- Berapa lama perlu digunakan

Jika, selepas dos pertama, simptom-simptom anda telah berkurang, tetapi kembali semula, anda boleh mengambil dos kedua, dengan syarat anda menunggu selama sekurang-kurangnya 2 jam di antara dos-dos tersebut.

Anda tidak boleh mengambil lebih daripada 300 mg Sumatripan secara oral dalam tempoh masa 24 jam.

- Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda (atau orang lain) mengambil terlalu banyak tablet Striptan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda yang terdekat dengan segera.

Semasa menggunakan tablet Striptan

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang telah diarahkan oleh doktor anda.

Jika anda mula hamil semasa mengambil tablet Striptan, beritahu doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi, dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil tablet Striptan.

Jumpa doktor anda dengan kerap supaya mereka dapat memeriksa perkembangan anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil tablet Striptan untuk aduan lain/sakit kepala melainkan doktor anda mengarahkannya.

Jangan ubah dos tablet Striptan anda tanpa berbincang dahulu dengan pemberi penjagaan kesihatan anda.

Jangan berikan tablet Striptan kepada sesiapa yang lain, jika mereka mempunyai simptom-simptom atau penyakit yang sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin.

Simptom-simptom migrain atau ubat anda mungkin menyebabkan anda mengantuk. Jika anda mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan mesin.

Kehamilan dan memberi susu badan

Jika anda hamil atau mungkin hamil, berbincang dengan doktor anda sebelum menggunakan Sumatripan.

Doktor anda akan berbincang dengan anda sama ada anda patut atau tidak patut menggunakan Sumatripan semasa anda hamil.

Jangan beri susu badan kepada bayi anda selama 12 jam selepas mengambil Sumatripan.

Jika anda mengambil tablet Striptan dengan kerap

Menggunakan Sumatripan dengan terlalu kerap mungkin membuatkan sakit kepala anda semakin teruk. Beritahu doktor anda jika perkara ini berlaku terhadap anda. Dia mungkin mengesyorkan anda supaya berhenti menggunakan Sumatripan.

Jika anda berasa sakit atau ketegangan pada dada selepas menggunakan tablet Striptan

Kesan-kesan ini mungkin teruk tetapi ia berlaku dengan cepat.

Jika ia tidak berlaku dengan cepat, atau menjadi semakin teruk, dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, tablet Striptan boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan ubat ini:

Tindak balas alahan

Berhenti mengambil tablet STRIPTAN dan hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami sebarang simptom terhadap tindak balas alahan di bawah:

- Ruam pada kulit, gatal-gatal, atau benjolan di bawah kukit (geligata)
- Bengkak bibir, mata dan muka.

Kesan-kesan sampingan yang biasa

Terasa berat, tekanan, ketegangan atau sakit pada dada, tekak atau bahagian badan yang lain, atau

STRIPTAN TABLET

Sumatripan Succinate (50 mg)

sensasi luar biasa, termasuk kekebasan, berdenyut-denyut dan kepanasan atau kesejukan. Jika kesan-kesan ini berterusan atau menjadi semakin teruk (terutamanya sakit dada), hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan lain termasuk:

- Berasa mual (loya) atau muntah-muntah.
- Keletihan atau mengantuk.
- Pening, berasa lemah, atau hangat memerah.
- Peningkatan sementara dalam tekanan darah.
- Sesak nafas.
- Sakit otot.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan tablet Striptan

- Penyimpanan

Tablet Striptan sepatutnya disimpan di dalam sebuah tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat mencapainya.

Jangan simpan di atas 30°C.

Jangan gunakan tablet selepas tarikh akhir yang telah dicetak pada bungkusan.

- Pelupusan

Jika doktor anda memberitahu anda supaya berhenti mengambil tablet Striptan atau tablet tersebut telah melepasi tarikh akhirnya, tanya ahli farmasi anda tentang perkara yang

patut dilakukan dengan baki tablet yang masih ada.

Ubat tidak sepatutnya dibuang melalui air buangan atau buangan di rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Kaedah ini akan membantu untuk memelihara persekitaran.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Striptan 50 mg:

Berwarna merah jambu, dwicembung berbentuk kapsul, tablet bersalut tanpa corak di kedua-dua bahagian.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Sumatripan Succinate

- Bahan tidak aktif
Lactose Monohydrate
Hypromellose (E5)
Microcrystalline Cellulose pH 102
Croscarmellose Sodium
Magnesium Stearate

Salutan tablet

SRIPTAN Tablet 50 mg:
Opadry 03K54036 Merah Jambu
Air yang telah ditulenkan

- Nombor MAL:

Tablet Striptan 50 mg:
MAL09082812AZ

Pengilang

Nama dan Alamat

Intas Pharmaceuticals Limited
Camp road, Selaqui-248011,
Dehradun, Uttarakhand (India).

Pemegang Pendaftaran Produk

JETPHARMA SDN. BHD.
No 13, Jalan Rajawali 2,
Bandar Puchong Jaya.
47100 Puchong,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/02/26

Nombor Siri

NPRA (R2/1)190829/234